

Amalan Kerohanian dan Kaitannya dengan Kebimbangan Bahasa dalam kalangan Penuntut Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia

Spiritual Practice and its Relation to Language Anxiety among Students of Religious Secondary Schools in Malaysia

AFANDI YUSOFF
NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF
HARUN BAHARUDDIN

ABSTRAK

Kebimbangan bahasa merupakan salah satu perasaan emosi yang berkaitan dengan psikologi manusia. Perasaan ini muncul sebagai tindak balas terhadap sesuatu keadaan atau sesuatu akibat yang tidak diingini berlaku. Biasanya kebimbangan bahasa dialami oleh pelajar semasa mempelajari bahasa asing sehingga boleh mengganggu prestasi pembelajaran bahasa tersebut. Walaupun perasaan bimbang perlu ada di dalam diri setiap individu, namun perasaan ini perlu dikawal agar kewujudannya tidak akan memudarathkan pelajar itu sendiri. Artikel ini adalah ulasan hasil kajian yang bertujuan mengenalpasti tahap amalan spiritual dan tahap kebimbangan bahasa serta kaitannya dengan amalan kerohanian dan kebimbangan bahasa yang berlaku di dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik amalan kerohanian dan Foreign Language Classroom Anxiety Scale. Responden kajian terdiri daripada 399 orang pelajar yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data dan memperoleh dapatan kajian. Keputusan menunjukkan bahawa tahap amalan kerohanian pelajar adalah tinggi tetapi kebimbangan bahasa berada di tahap sederhana. Selain itu, terdapat hubungan negative yang signifikan antara amalan kerohanian dengan kebimbangan bahasa ($r=-0.273$; $p=0.00$). Ini membuktikan bahawa amalan kerohanian mampu membantu dalam menangani masalah kebimbangan bahasa yang dialami pelajar di sekolah dan seterusnya memberi nilai tambah terhadap korpus ilmu pengetahuan semasa.

Kata kunci: Psikologi; amalan kerohanian; kebimbangan bahasa; bahasa asing; pembelajaran Bahasa Arab

ABSTRACT

Language anxiety is one of the feelings associated with human psychology. These feelings arise in response to a situation or an unintended consequence. Usually language anxiety experienced by students when learning foreign languages which affects their language learning performance. Although anxiety should exist within each individual, it must be controlled so that its existence does not harm the student himself. Therefore, the aims of this study were to determine the level of spiritual practices and the level of language anxiety. Also to identify the correlation of spiritual practices with language anxiety in Arabic language learning classes. This quantitative survey was conducted using the spiritual practices questionnaire and Foreign Language Classroom Anxiety Scale. There were 399 respondents involved who are currently studying at Islamic Secondary School in Malaysia. Descriptive and inference analysis were used to analyse the data and obtain the result. The findings indicated that the respondents' spiritual practices are at a high level but the language anxiety level was moderate. In addition, there is a significant negative correlation between the students' spiritual practices with their language anxiety levels ($r= -0.273$, $p=0.00$). Therefore, this study proves that spiritual practice can addressing language anxiety issues experienced by students in schools and at the same time to provide added value to the existing body of knowledge.

Keywords: Psychology; spiritual practice; language anxiety; foreign language; Arabic Language learning

PENDAHULUAN

Islam yang dibawa oleh Rasulullah saw adalah agama yang membimbang manusia ke arah satu cara hidup yang syumul dan sistematik untuk

kesejahteraan di dunia dan di akhirat (Al-Banna 2003). Kesyumulan Islam ini merangkumi aspek rohaniah dan materialistik yang perlu diamalkan secara seimbang dan menyeluruh. Kesemua aspek ini adalah berpandukan sumber rujukan utama

agama Islam iaitu al-Quran dan As-Sunnah (Elmi & Zainab 2014). Oleh itu kehidupan beragama yang diamalkan berpandukan dua sumber tersebut dilihat penting dalam kehidupan manusia dan memberi pengaruh terhadap personaliti, tingkah laku dan psikologi manusia seperti ketenangan emosi, keyakinan diri, kebahagiaan hidup dan lain-lain (Hasnan 2002; Rafiza et al. 2014).

Selain itu, Islam merupakan penyelesaian terbaik bagi permasalahan semasa kerana ajaran yang terkandung di dalam agama Islam bersifat stabil dan dinamik (Jamiah et al. 2013). Penerapan amalan kerohanian yang berlandaskan ajaran agama Islam merupakan salah satu alternatif di dalam mengurus psikologi manusia (Khairul Hamimah et al. 2014). Ini kerana penghayatan dan pengamalan kerohanian yang berkait rapat dengan hati dan aqal berperanan memperkasakan jiwa manusia untuk menjadi insan yang bertakwa. Selain itu, secara umumnya, manusia yang diciptakan oleh Allah swt memerlukan elemen fizikal dan rohani secara seimbang bagi memastikan seseorang berfungsi dengan baik (Elmi & Zainab 2014). Dengan itu, amalan kerohanian ini mampu mempengaruhi perubahan seseorang individu termasuklah dalam psikologi manusia.

AMALAN KEROHANIAN DAN KEBIMBANGAN

Antara aspek psikologi yang menjadi masalah dalam diri individu ialah kebimbangan bahasa. Bimbang dikenali sebagai anxiety dalam bahasa Inggeris dan disebut *al-qalaq* atau *halu'a* dalam bahasa Arab (Al-Ba'albaki 1998). Kebimbangan bahasa didefinisikan sebagai reaksi psikologi yang ada pada setiap individu, ia merujuk kepada perasaan takut, gerun atau bimbang yang wujud pada individu semasa menjalani proses pembelajaran bahasa (Alrabai 2014; Illahi Bux et al. 2017). Perasaan ini dibincangkan secara meluas dalam bidang pembelajaran bahasa Asing samada dari sudut pertuturan, pendengaran dan pembelajaran (Kuşçu 2017; MacIntyre & Gardner 1994). Menurut Horwitz et. al (1986), kebimbangan bahasa wujud dalam kelas pembelajaran bahasa Asing dan boleh mengganggu pembelajaran bahasa. Malah kebimbangan bahasa yang dialami boleh melemahkan kognitif individu pelajar sehingga boleh menjelaskan pencapaian pelajar (Afandi et al. 2019; Che Haslina 2014; Horwitz 2001).

Pendapat ini disokong oleh kebanyakan penyelidik seperti Cao (2011), Tran, (2012) dan

Zheng (2008). Begitu juga dengan kajian Abdullah (2018) dan kajian Nur Pratiwi et al. (2014) yang menemui bahawa pelajar mengalami masalah kebimbangan dan keyakinan diri semasa di dalam kelas bahasa Asing khususnya bahasa Arab sehingga menjelaskan prestasi akademik mereka (Afandi et al. 2019; Nik Mohd Rahimi et al. 2016). Malah terdapat beberapa kajian lain yang konsisten dengan fenomena kebimbangan bahasa asing ini samada di Eropah dan di Asia Timur (Tran & Moni 2015). Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, kebimbangan bahasa boleh menjadi pemangkin kepada kejayaan dalam pembelajaran bahasa (MacIntyre et al. 1997). Ini kerana, ada kalanya perasaan bimbang diperlukan oleh individu bagi memberi tekanan dalam proses pemerolehan bahasa dan tiada kejayaan tanpa wujudnya kesakitan (Spielmann & Radnofsky 2001). Oleh itu, perasaan kebimbangan ini perlu dikawal sebaik mungkin agar perasaan ini berada di tahap yang minimum dan tidak menjelaskan proses pemerolehan bahasa Asing tersebut.

Salah satu pendekatan yang boleh membantu dalam menangani masalah kebimbangan bahasa ialah dengan penerapan amalan kerohanian. Dalam Islam, kerohanian merupakan amalan penyucian jiwa dan akal manusia (Al-Ghazali 2000). Menurut Al-Ghazali (2000), jiwa mempunyai kaitan dengan akal dalam menghasilkan tingkah laku, setiap tingkah laku ini merupakan lukisan dalaman semulajadi bagi setiap individu (Ramlan 2017). Oleh itu masalah psikologi yang timbul dewasa ini seperti kebimbangan bahasa berkemungkinan besar adalah berpunca daripada tiada penghayatan kepada agama Islam dalam jiwa individu dan kurang pengamalan dalam beribadah (Che Haslina 2014). Justeru, Imam Al-Ghazali (2000) mencadangkan agar individu yang mengalami masalah kebimbangan perlu melalui proses latihan jiwa (*riyadhah al-nafs*) seperti solat, berzikir, membaca al-Quran dan berdoa. Latihan berbentuk kerohanian ini mampu meningkatkan kehidupan seseorang individu menjadi tenang dan mendapat keredaan Allah SWT. Selain itu, menurut Al-Ghazali lagi, mereka yang mengalami masalah jiwa ini perlu melawan hawa nafsu (*mujahadah al-nafs*) iaitu melawan jiwa atau perasaan yang negatif dengan sentiasa bermuhasabah, yakin dan reda dengan rezeki atau ketentuan Allah swt serta terus berusaha untuk memperolehinya. Seterusnya mereka juga disarankan agar mempunyai sikap pengawasan diri (*muraqabah al-nafs*) iaitu sentiasa siap sedia dalam melakukan amalan kebaikan

dan merasa insaf di dalam pengawasan Allah swt (Salasiah Hanin 2010).

Terdapat beberapa kajian yang lepas telah membuktikan perkara tersebut. Antaranya kajian Azhar, Varma & Dharap (1994) mendapatkan bahawa pesakit yang ditambah rawatan psikoterapi agama (religious psychotherapy) menunjukkan tindak balas positif terhadap masalah kebimbangan dan kemurungan yang dialami. Dapatan yang hampir sama ditemui dalam kajian kajian Dunn, Hundley & Shelton (2007) dan kajian Atikah & Siti Aisyah (2018). Begitu juga kajian A'dawiyah (2019) yang mendapatkan bahawa amalan kerohanian yang dilakukan pesakit kanser membantu menstabilkan emosi kebimbangan ke arah mencapai kesejahteraan hidup. Selain itu, kajian Che Haslina (2014) dan kajian Siti Jamiaah (2017) berkaitan penerapan elemen keagamaan memberi kesan dalam mengurangkan kebimbangan sosial.

Selain itu, perasaan bimbang ini juga dapat ditangani menggunakan pendekatan sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran, ayat 19-35, surah Al-Maarij. Menerusi ayat tersebut, kajian Mohd Nasir et al. (2015) telah menyenaraikan lapan amalan yang perlu dimiliki dan dilakukan oleh individu yang mengalami kebimbangan agar dapat terhindar dari masalah tersebut. Amalan-amalan tersebut adalah (i) sentiasa mengerjakan solat, (ii) bersedekah dan berzakat, (iii) melakukan amal-amal soleh kerana yakin adanya hari akhirat, (iv) tidak melakukan perkara yang dimurkai Allah swt kerana takutkan azabNya, (v) menjaga kehormatan diri daripada melakukan zina, (vi) menjaga amanah dan janji, (vii) menjadi saksi yang adil, dan (viii) sentiasa memelihara solat.

Penerapan elemen kerohanian terhadap kebimbangan dalam konteks pendidikan menjadi suatu perkara yang menarik untuk dibincangkan secara tuntas. Hasil tinjauan literatur, kajian berkaitan perkara tersebut masih belum banyak dilakukan samada dalam negara atau luar negara terutama dalam bidang pembelajaran bahasa. Antara kajian yang sempat ditemui ialah kajian Ahmad Hisham (2009) terhadap remaja Islam di sekolah negeri Selangor, kajian Shekhar & Hussain, (2017) terhadap pelajar Islam di India. Perkaitan antara amalan kerohanian dengan kebimbangan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab dilihat penting untuk dikaji kerana bahasa Arab mempunyai hubungan yang erat dengan agama Islam. Selain bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran atau bahasa ibadah (Kamarul Shukri et al. 2009), ianya juga diperlukan

untuk memahami ajaran agama Islam menerusi al-Quran dan al-Sunnah (Ibn Taymiyyah 1979). Untuk itu, kajian mengenai kebimbangan bahasa dan kaitannya dengan amalan kerohanian adalah penting untuk dilaksanakan bagi membantu pelajar, guru dan ibu bapa dalam menangani masalah tekanan dan perasaan kebimbangan semasa belajar khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang dipilih bersifat kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik. Data yang diperolehi melalui kaedah ini dapat membekalkan maklumat deskriptif yang kukuh tentang tingkah laku responden yang dikaji (Creswell 2014). Selain itu, pemilihan reka bentuk ini adalah bertepatan dengan tujuan kajian untuk mengukur tahap amalan kerohanian dan kebimbangan bahasa pelajar dan seterusnya mengenal pasti hubungan antara kedua-duanya menerusi analisis korelasi menggunakan perisian IBM SPSS 24.0 (Creswell 2014; Mohd Majid 2000). Populasi kajian berjumlah 6,925 orang pelajar tingkatan empat yang sedang mempelajari bahasa Arab di SMKA seluruh Malaysia (KPM 2018). Mengikut penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970) dan perisian G*power, seramai 399 orang pelajar daripada 10 buah SMKA dijadikan sampel kajian. Manakala sampel tersebut dipilih menggunakan kaedah persampelan kelompok atas kelompok (multi stage cluster), bagi setiap kelompok, sampel dipilih secara rawak sistematis. Responden kajian terdiri daripada 176 orang (44.1%) murid lelaki dan 223 orang (55.9%) murid perempuan.

Instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan bahasa dalam kajian ini adalah soal selidik Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS) yang diperkenalkan oleh Horwitz et al. (1986). FLCAS yang mempunyai 33 item ini diukur melalui tiga konstruk iaitu kebimbangan komunikasi, kebimbangan ujian dan bimbang penilaian negatif. Soal selidik ini juga telah diuji dalam kebanyakan pembelajaran bahasa di dunia seperti bahasa Spanyol, Perancis, Jepun, Cina dan lain-lain (Razlina 2010). Proses terjemah FLCAS secara back translation ke dalam bahasa Melayu telah dilakukan bagi menepati kesesuaian dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing (Brislin 1970; Chen & Boore 2010). Selain itu, bagi mengukur tahap amalan kerohanian,

kajian ini memilih soal selidik amalan kerohanian yang digunakan dalam kajian Salasiah Hanin et al. (2012). Soal selidik yang dipilih ini mengandungi 22 item yang dibahagikan kepada tiga konstruk utama iaitu amalan kerohanian harian, amalan kerohanian berkaitan pembelajaran dan amalan soleh. Kedua-dua soal selidik tersebut telah dijalankan proses kesahan muka dan kandungan oleh beberapa orang pakar. Manakala hasil kajian rintis, nilai pekali Cronbach's Alpha bagi FLCAS adalah 0.92 dan soal selidik amalan kerohanian adalah 0.83. Nilai pekali Cronbach's Alpha tersebut menunjukkan bahawa item-item dalam soal selidik ini mempunyai kestabilan dan ketekalan dalaman yang baik dan kebolehpercayaan yang tinggi (Creswell 2012).

Penentuan tahap dalam analisis deskriptif adalah ditentukan berdasarkan nilai min 1.00-1.80 dikategorikan sebagai sangat rendah, min 1.81-2.60 dikategorikan sebagai rendah, min 2.61-3.40 dikategorikan sebagai sederhana, min 3.41-4.20 dikategorikan sebagai tinggi dan min 4.21-5.00

dikategorikan sebagai sangat tinggi (Tschannen-Moran, M. & Gareis 2004).

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan kerohanian pelajar yang mempelajari bahasa Arab di SMKA berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.62 dan sisihan piawai 0.377. Ini menggambarkan bahawa pelajar-pelajar di SMKA mempraktikkan amalan kerohanian di tahap yang membanggakan. Sementara itu, tahap keimbangan bahasa yang dicapai dalam kajian ini berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.30 dan sisihan piawai 0.587. Dapatkan ini membuktikan wujud keimbangan bahasa dalam diri pelajar, namun tahap keimbangan yang dialami ini adalah tidak menggusarkan. Perincian mengenai skor min bagi kedua-dua pemboleh ubah adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Amalan Kerohanian dan Kebimbangan Bahasa

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Amalan Kerohanian	3.62	0.377	Tinggi
Kebimbangan Bahasa	3.30	0.587	Sederhana

Hasil dapatan ujian Korelasi Pearson antara amalan kerohanian dan keimbangan bahasa ditunjukkan dalam Jadual 2. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa nilai $r = -0.273$ pada aras signifikan $p=0.000$. Ini menunjukkan bahawa amalan kerohanian mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan keimbangan bahasa. Oleh itu, hubungan negatif yang diperolehi daripada kajian ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai amalan kerohanian yang tinggi, mereka juga mempunyai tahap keimbangan bahasa yang rendah. Ini bermaksud semakin tinggi tahap amalan kerohanian, semakin rendah tahap keimbangan bahasa yang dialami oleh pelajar, begitu juga sebaliknya. Dapatkan ini juga membuktikan bahawa tahap amalan kerohanian dapat memberi kesan kepada tahap keimbangan bahasa yang dialami pelajar.

PERBINCANGAN

Daripada analisis dapatan kajian ini, amalan kerohanian berada pada tahap tinggi. Secara umumnya, analisis dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempelajari bahasa Arab di SMKA melakukan amalan kerohanian yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa, pelajar di SMKA berjaya mempraktikkan amalan-amalan kerohanian yang berkaitan pembelajaran dan amalan soleh dalam kehidupan mereka seharian. Sekaligus dapatkan ini mengukuhkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat melahirkan pelajar yang seimbang khasnya di sudut kerohanian bertunjang kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Tahap amalan kerohanian yang diperolehi ini adalah selari dengan kajian Angelo & Vijay (2019) yang mendapati bahawa tahap

JADUAL 2. Keputusan Ujian Korelasi Pearson Amalan Kerohanian dan Kebimbangan Bahasa

Hubungan antara Pemboleh ubah	r	*Sig.
Amalan kerohanian dan Kebimbangan Bahasa	-.273	.000

*Nilai signifikan 0.05

kecerdasan spiritual (Spiritual Intelligence) murid sekolah menengah di India adalah tinggi. Begitu juga daptatan yang sama juga ditemui dalam kajian Chin Mei Keong (2015) dan kajian Graham et al. (2001). Namun perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian yang lepas adalah dari aspek instrumen kajian. Kajian ini menggunakan instrumen yang dibina oleh Salasiah Hanin et al., (2012) dan berpandukan pandangan Imam Al-Ghazali, (2000), manakala kajian-kajian lepas berkaitan amalan kerohanian kebanyakannya menggunakan instrumen Spiritual Intelligence dari barat.

Sementara itu, daptatan kajian ini juga mencatatkan bahawa tahap kebimbangan bahasa adalah sederhana. Secara jelas, daptatan ini menunjukkan bahawa pelajar di SMKA mengalami perasaan bimbang semasa mempelajari bahasa Arab di dalam kelas. Namun perasaan yang dialami ini tidak begitu menggusarkan kerana ianya masih terkawal. Perasaan bimbang yang dialami adalah disebabkan oleh faktor bimbang berkomunikasi, bimbang akan dipandang negatif oleh rakan-rakan dan bimbang ketika ujian. Daptatan kajian ini dilihat menyamai beberapa kajian sebelum ini. Antaranya kajian Kuşcu (2017) terhadap pelajar sekolah di Turki. Begitu juga daptatan yang sama diperolehi dalam kajian Dewaele & Ip (2017) dan kajian Choi et al. (2019) yang memfokuskan kepada pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah. Selain itu, daptatan kajian ini dilihat lebih baik berbanding dengan kajian Alida & Harun (2018) dan Indrawati (2017) yang mendapat tahap kebimbangan bahasa adalah tinggi. Begitu juga daptatan kajian ini juga berbeza dengan kajian Atasheneh & Izadi (2012) dan Nur Pratiwi et al. (2014) yang memperolehi tahap kebimbangan bahasa yang rendah.

Manakala hasil ujian Korelasi Pearson yang melihat perkaitan amalan kerohanian dengan kebimbangan bahasa mendapati bahawa wujud hubungan negatif yang signifikan. Daptatan ini menjelaskan bahawa kebimbangan bahasa dipengaruhi secara negatif oleh amalan kerohanian. Pelajar yang memiliki tahap amalan kerohanian yang tinggi akan mampu menurunkan tahap kebimbangan bahasa mereka dan begitulah sebaliknya. Ini membuktikan bahawa penerapan amalan kerohanian dapat mempengaruhi tahap kebimbangan bahasa yang dialami pelajar SMKA tersebut. Daptatan ini adalah bertepatan dengan ayat Al-Quran Surah Al-Ma'arij (19 hingga 35) yang memberi panduan bagaimana untuk menghindari daripada masalah hallu'a atau kebimbangan yang

melanda jiwa seseorang. Selain itu hasil kajian ini juga dapat menyokong panduan yang diutarakan oleh Imam Al-Ghazali (2000) dalam menangani masalah psikologi terutama masalah kebimbangan. Malah perkaitan amalan spiritual dengan kebimbangan yang negatif dan signifikan ini ditemui agak seragam dan konsisten dalam kajian-kajian yang lepas dalam konteks perubatan seperti kajian A'dawiyah (2019); Dunn et al. (2007); Siti Jamiaah (2017) dan dalam konteks pendidikan seperti kajian Atikah & Siti Aisyah (2018), Chin Mei Keong (2015); Salasiah Hanin et al. (2012) dan Shekhar & Hussain (2017).

Sehubungan itu, daptatan kajian ini mampu memberi nilai tambah terhadap korpus ilmu pengetahuan semasa dan berjaya menggabung jalin elemen kerohanian dengan aspek psikologi khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa Asing di sekolah. Sumbangan kepada pengetahuan tentang perkaitan yang negatif dan signifikan ini boleh dijadikan sandaran dan panduan kepada pihak yang berkaitan. Oleh itu pihak sekolah dan guru perlu merangka langkah kawalan bagi menurunkan kebimbangan bahasa yang dialami semasa mempelajari bahasa Asing khususnya bahasa Arab ke tahap yang paling minimum (Ghazali et al. 2010). Antara tindakan yang perlu dilakukan adalah dengan meningkatkan amalan kerohanian dalam kalangan pelajar terbabit seperti program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang diperkenalkan oleh KPM di sekolah-sekolah agama seluruh Malaysia (Mardziyah & Nurul Ilyana 2018). Hal ini menunjukkan bahawa penerapan elemen kerohanian merupakan antara faktor yang perlu diambil perhatian sekiranya ingin menangani masalah kebimbangan bahasa.

KESIMPULAN

Menyingkap perbincangan mengenai daptatan kajian ini, maka dapat disimpulkan bahawa penerapan amalan kerohanian mempunyai kaitan yang negatif dan signifikan dengan kebimbangan bahasa. Daptatan ini menunjukkan bahawa amalan kerohanian memberi kesan dalam menangani masalah kebimbangan bahasa yang dialami oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Arab di dalam kelas. Walaupun perkaitan ini telah dijelaskan dalam Al-Quran menerusi Surah Al-Ma'arij, namun kajian empirikal yang mengaitkan amalan kerohanian dengan kebimbangan bahasa khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab masih kurang ditemui. Maka hal ini membuktikan bahawa daptatan

kajian ini dilihat penting sebagai alternatif dalam menangani masalah kebimbangan bahasa dengan menggunakan pendekatan kerohanian. Malah dapatan ini boleh diketengahkan dalam konteks pendidikan di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

- Afandi, Y., Nik Mohd Rahimi, N.Y. & Harun, B. 2019. Kebimbangan bahasa dan hubungannya dengan pencapaian dalam Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(2): 1–9.
- A'dawiyah, I. 2019. Spiritual practices of female cancer patients towards well-being in lives. *Jurnal Islamiyyat* 41(2): 93–97.
- Abdullah, H. 2018. Kebimbangan bahasa guru pelatih terhadap pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dan kaitannya dengan strategi pembelajaran. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Hisham, A. 2009. solat dan nilai-nilai spiritual dalam menangani gelisah dalam kalangan remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Al-Ba'albaki, M. 1998. *Al-Mawrid, Qamus Inklizi - 'Arabi*. Edisi ke-32. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Al-Banna, H. 2003. *Himpunan Risalah Al-Banna*. Edisi Terj. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ahmad. 2000. *Ihya 'Ulum al-Din*. (Al-'Iraqi, Abdul Rahim bin al-Husain Ed.). al-Qahirah: Dar al-Taqwa li al-Turath
- Alida, S. & Harun, B. 2018. Strategi pembelajaran Bahasa Arab dan tahap kebimbangan dalam kalangan pelajar Thailand di Malaysia. International Conference On Global Education VI hlm. 308–320. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Alrabai, F. 2014. The influence of teachers' anxiety-reducing strategies on learners' foreign language anxiety. *Innovation in Language Learning and Teaching* (October): 37–41.
- Angelo, J. & Vijay, C. 2019. Gender wise differences on spiritual intelligence among senior secondary school students. *International Journal of Education* 11(46229): 223–234.
- Arifin, H.M. 1976. *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Atasheneh, N. & Izadi, A. 2012. The role of teachers in reducing / increasing listening comprehension test anxiety : A case of Iranian EFL learners. *English Language Teaching* 5(3): 178–187.
- Atikah, O. & Siti Aisyah, Y. 2018. Hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah sukan. *Jurnal Maw'izah* 1: 154–165.
- Azhar, M., Varma, S. & Dharap, A. 1994. Religious psychotherapy in anxiety disorder patients. *Acta Psychiatrica Scandinavica* (90): 1–3.
- Brislin, R.W. 1970. Back-translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 1(3): 185–216.
- Cao, Y. 2011. Comparison of two models of foreign language classroom anxiety scale. *Philippine ESL Journal* 7(July): 73–93.
- Che Haslina, A. 2014. Intervensi modul bimbingan islam terhadap masalah kecelaruan kebimbangan umum dalam kalangan pelajar universiti: Satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Chen, H.Y. & Boore, J.R.P. 2010. Translation and back-translation in qualitative nursing research: Methodological review. *Journal of Clinical Nursing* 19(1–2): 234–239.
- Chin Mei Keong. 2015. Kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual: Faktor-faktor yang mempengaruhi dan sumbangannya ke atas kualiti guru pelatih. Tesis Dr. Fal.; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Choi, N., No, B., Jung, S. & Lee, S.E. 2019. What affects middle school students' english anxiety in the EFL context? Evidence from South Korea. *Education Sciences* 9(1): 39.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston, MA: Pearson Education Inc.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Edisi ke-4. California: SAGE Publication Inc.
- Dewaele, J.-M. & Ip, T.S. 2017. The link between foreign language classroom anxiety, second language tolerance of ambiguity and self-rated English proficiency among Chinese learners. *Studies in Second Language Learning and Teaching* 3(1): 47.
- Dunn, L.L., Hundley, M.C. & Shelton, M.M. 2007. Spiritual well-being, anxiety, and depression in antepartal women on bedrest. *Issues in Mental Health Nursing* 28(11): 1235–1246.
- Elmi, B. & Zainab, I. 2014. Definisi dan konsep kecerdasan ruhaniyah menurut perspektif sarjana Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM* (26): 49–61.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N.Y. & Parilah, M.S. 2010. Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus Bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 2(2): 46–58.
- Graham, S., Furr, S. & Flowers, C. 2001. Religion and spirituality in coping with stress. *Counseling and Values* 46(October): 2–13.
- Hasnan, K. 2002. *Kesihatan Jasmani dan Rohani Sebagai Asas Kejayaan Menurut Islam*. Selangor: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Horwitz, E.K. 2001. Language anxiety and achievement. *Annual Review of Applied Linguistics* 21: 112–127.
- Horwitz, E.K., Horwitz, M.B. & Cope, J. 1986. Foreign language classroom anxiety. *The Modern Language Journal* 70(2): 125–132.
- Ibn Taymiyyah, T. al-D.A. b. 'Abd al-H. 1979. *Iqtida' al-sirat almustaqqim*. (M. H. Al-Fiqi, Ed.). Bairut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Illahi Bux, G., Sanaullah, A., Ume, K. & Abdullah, L. 2017. An empirical investigation of foreign language anxiety in Pakistani university. *International Journal of English Linguistics* 7(2): 21–31.

- Indrawati, E.D. 2017. The Relationship Between Motivation , Anxiety , and English Proficiency at Pusdiklat Keuangan Umum Jakarta. UHAMKA International Conference on ELT and CALL (UICELL) hlm. 23–24. Jakarta.
- Jamiah, M., Azimi, H., Sidek, M.N., Hasnan, K., Steven, E.K. & Khairul Anwar, M.T.S. F. 2013. Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. *Journal of Psychology & Human Development* 1: 36–43.
- Kamarul Shukri, M.T., Mohamed Amin, E., Nik Mohd Rahimi, N.Y. & Zamri, M. 2009. Strategi metafizik: Kesinambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2): 1–13.
- Khairul Hamimah, M.J., Mohd Afifuddin, M. & Azizi, C.S. 2014. penerapan agama dalam modul psikospiritual dan kesannya terhadap kesihatan spiritual. *Jurnal Syariah* 22(1): 107–127.
- KPM. 2018. *Analisis Emolumen Murid SMKA sehingga 28 Februari 2018*. Cyberjaya: BPI.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 38(1): 607–610.
- Kuşçu, E. 2017. Teaching the anxiety of learning a foreign language that influences high school students in learning French as a second foreign language “ The case of Denizli.” *Journal Of Language And Linguistic Studies* 13(1): 88–102.
- MacIntyre, P.D. & Gardner, R.C. 1994. The subtle effects of language anxiety on cognitive processing in the second language. *Language Learning* 44(2): 283–305.
- MacIntyre, P.D., Noels, K. a & Clément, R. 1997. Biases in self-ratings of second language proficiency: The role of language anxiety. *Language Learning* 47(2): 265–387.
- Mardiyah, A.A. & Nurul Ilyana, M.A. 2018. Pengamalan program sahsiah Unggul Murid (SUMUR) terhadap penghayatan akhlak pelajar : Satu tinjauan awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 10(2): 180–190.
- Mohd Majid, K. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir, M., Siti Norlina, M. & Siti Aisyah, A.R. 2015. Kebimbangan Dari Perspektif Psikologi Islam dan cara mengatasinya berdasarkan surah Al-Ma’arij. *Jurnal Sains Humanika* 5(1): 61–67.
- Nik Mohd Rahimi, N.Y., Sarizan, S. & Wan Normeza, W.Z. 2016. Tahap kefahaman bacaan Kloz dan hubungannya dengan pencapaian Bahasa Arab. *Jurnal Islamiyyat* 38(1): 71–75.
- Nur Pratiwi, Suhaila Zailani Hj. Ahmad & Salamiah Ab. Ghani. 2014. Kajian terhadap faktor keresahan pelajara dalam kelas Al-Muhadathah Wal Khatabah. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, 1–10.
- Rafiza, M., Jaffary, A., Ahmad Sunawari, L. & Zaizul, A.R. 2014. Perbandingan religiositi menurut perspektif Islam dan barat. The 1st International Conference on Language, Literature, Culture & Education hlm. 161–166
- Ramlan, M. 2017. Reka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Razlina, M.S. 2010. Second language learning anxiety among Malay learners of English. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Salasiah Hanin, H. 2010. Kaedah mengatasi kebimbangan dalam kaunseling: analisis dari perseptif Al-Ghazali. *Jurnal Hadhari UKM* 3(1): 41–57.
- Salasiah Hanin, H., Ermy Azziaty, R., Rosmawati, M.R. & Zainab, I. 2012. Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 4(2): 51–60.
- Shekhar, C. & Hussain, Z. 2017. A study of religiosity and anxiety among undergraduate students (Kargil). *International Journal of Applied Social Science* 4(11 & 12): 447–452.
- Siti Jamiaah, A.J. 2017. Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep kendiri , kalangan banduan wanita di Malaysia Akademi Pengajian Islam. Tesis Dr. Fal., Universiti Malaya.
- Spielmann, G.U.Y. & Radnofsky, M.L. 2001. learning language under tension new directions from a qualitative study. *Modern Language Journal* 85(2): 259–278.
- Tran, T.T.T. 2012. A review of Horwitz, Horwitz and Cope’s theory of foreign language anxiety and the challenges to the theory. *English Language Teaching* 5(1): 69–75.
- Tran, T.T.T. & Moni, K. 2015. Management of foreign language anxiety: Insiders’ awareness and experiences. *Cogent Education* 2(1): 1–20.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C. 2004. Principals sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration* 42: 573–585.
- Zheng, Y. 2008. Anxiety and second/foreign language learning revisited. *Canadian Journal for New Scholars in Education* 1(1): 1–12.

Afandi Yusoff*
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43000 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 cikndy@gmail.com

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43000 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 nik@ukm.my

Harun Baharuddin
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43000 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 harunbaharudin@ukm.edu.my

